



SEMARAK ILMU
PUBLISHING
202103268166(003314878-P)

Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education

Journal homepage:

<https://semarakilmu.my/index.php/sijile/index>

ISSN: 3030-5268



Pembangunan Inovasi Bahan Bantu Mengajar menggunakan Komik dalam Pendidikan Al-Quran

Development of Teaching Aid Innovation using Comics in Quranic Education

Nur Hazwani Yusof¹, Mardzelah Makhsin^{1,*}, Mohamad Fadhli Ilias¹

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 1 March 2024

Received in revised form 18 March 2024

Accepted 19 March 2024

Available online 14 April 2024

ABSTRACT

Penggunaan inovasi bahan bantu mengajar (BBM) yang berbentuk "Komik" dalam pembelajaran ilmu Al-Quran dapat membantu serta meningkatkan penguasaan ilmu Al-Quran dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Tujuan inovasi ini adalah untuk mengatasi isu kelemahan murid dalam menguasai ilmu Al-Quran yang merupakan asas penentu kesempurnaan sesuatu ibadah manusia. Justeru, inovasi komik ini menggabungkan penggunaan elemen visual dan auditori seperti penggunaan ilustrasi gambar yang berwarna dan menarik, audio contoh bacaan al-Quran yang boleh dibuka secara berulang kali, nota tajwid dan lain-lain berupaya merangsang minat kepelbagaian murid terhadap pembelajaran Al-Quran. Kajian kuantitatif telah dilaksanakan bagi menguji tahap keberkesanan penggunaan inovasi BBM komik dalam meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran melalui ujian pra dan pasca kepada 60 orang murid tahun 5 di sebuah sekolah rendah. Hasil kajian yang dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) berdasarkan ujian T-Berpasangan menunjukkan penggunaan komik Genius Al-Quran ini amat membantu dalam proses pembelajaran murid terhadap ilmu al-Quran. Secara kesimpulannya, "Inovasi Komik" adalah salah satu bahan bantu mengajar menggunakan visual dan auditori yang berupaya meningkatkan tahap kemahiran membaca Al-Quran murid.

The use of teaching aids innovation (BBM) in the form of "Comics" in learning the knowledge of the Quran can help and enhance the mastery of Quranic knowledge among primary school students. The purpose of this innovation is to address the issue of students' weaknesses in mastering the knowledge of the Quran, which is the foundation of determining the perfection of human worship. Therefore, this comic innovation combines the use of visual and auditory elements such as colourful and attractive illustrations, audio examples of Quranic recitations that can be replayed repeatedly, Tajwid notes,

* Corresponding author.

E-mail address: mazfaniy@uum.edu.my

Kata Kunci:

Komik; Pendidikan Al-Quran; auditori;
visual

Keywords:

Comic; Al-Quran Education; auditory;
visual

and others to stimulate the interest and diversity of students in Quranic learning. A quantitative study was conducted to test the effectiveness of using comic BBM innovation in improving Quranic reading skills through pre and post-tests on 60 fifth-grade students in a primary school. The results of the study, analysed using the Statistical Package For Social Science (SPSS) software based on paired T-tests, indicate that the use of the Genius Quran comic is very helpful in the learning process of students regarding Quranic knowledge. In conclusion, the "Comic Innovation" is one of the teaching aids that uses visual and auditory elements capable of enhancing the level of Quranic reading skills among students.

1. Pengenalan

Pendidikan Al-Quran merupakan ilmu terpenting yang wajar dipelajari dan dikuasai oleh seluruh umat Islam kerana Al-Quran mengandungi panduan yang menyeluruh mencakupi pelbagai aspek kehidupan manusia [9]. Pendidikan Al-Quran bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti pemikiran minda manusia melalui penerapan nilai-nilai Islam sehingga berupaya membentuk masyarakat dunia yang bertamadun malah turut dapat menjamin kesejahteraan dan kecemerlangan kehidupan manusia keseluruhannya [14]. Tambahan, pentingnya kemahiran membaca dan menguasai ilmu Al-Quran dalam meningkatkan kualiti ibadah fardu ain, seperti solat lima waktu. Kemahiran ini dianggap sebagai elemen penting untuk menjadikan ibadah lebih sempurna. Keterlibatan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan memasukkan pendidikan Tilawah Al-Quran ke dalam kurikulum pendidikan Islam dan silibus Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), serta penekanan kepada unsur kreativiti dan inovasi dalam pengajaran, menunjukkan komitmen mereka dalam meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap Al-Quran di kalangan murid [4].

Namun begitu, kurangnya kemahiran guru dalam mengaplikasikan strategi dan bahan bantu pengajaran yang bersesuaian dengan pendidikan Al-Quran menyebabkan penyampaian kandungan ilmu Al-Quran menjadi kurang efektif dan berkesan terhadap pembelajaran murid di sekolah [17]. Justeru, guru wajar mempelbagaikan kaedah atau bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan topik dan tahap penerimaan murid di sekolah. Oleh itu, pendekatan kreatif dan inovatif dalam pengajaran Al-Quran juga amat ditekankan sebagai respons terhadap perkembangan dunia pendidikan abad ke-21. Guru pendidikan Islam atau pendidikan Al-Quran diminta untuk menerapkan unsur kreativiti dan inovasi dalam pengajaran untuk menarik minat dan meningkatkan motivasi pelajar. Dengan demikian, pendidikan Al-Quran tidak hanya menjadi suatu kewajiban, tetapi juga suatu pengalaman pembelajaran yang menarik dan bermakna bagi pelajar.

Menurut Gunawan dan Sujarwo [7], penggunaan komik sebagai alat bahan bantu mengajar berupaya untuk menarik minat dan perhatian murid terhadap pembelajaran. Alat bahan bantu mengajar (ABBM) merupakan satu pendekatan inovatif yang melibatkan lima teras utama yang dikenali sebagai 4K1N dalam aplikasi inovasi. Pendekatan ini merangkumi komunikasi, pemikiran kritis, kreativiti, kolaborasi, serta nilai murni dan etika. Dengan mengintegrasikan konsep-konsep ini ke dalam pembelajaran, guru dapat mencipta suasana pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan bagi pelajar [18].

Komik sebagai alat bahan bantu mengajar dikenali sebagai medium sastera bergrafik yang efektif untuk menyampaikan maklumat sebagaimana yang didefinisikan oleh Dahlan [6] sebagai alat untuk menyampaikan pengetahuan ilmiah. Pendekatan pembelajaran melalui komik mempersembahkan elemen hiburan yang memainkan peranan penting dalam penjagaan dan pemuliharaan tahap kesejahteraan emosi, mental, dan tingkahlaku pelajar. Komik adalah pembelajaran yang memberikan hiburan kepada pelajar melalui cerita yang menarik dan watak-watak yang berwarna-warni. Hiburan

ini dapat membantu mengurangi tekanan dan kebosanan dalam proses pembelajaran. Melalui komik, pelajar dapat mengalami pelbagai emosi seperti kegembiraan, sedih, takut, dan kehairanan. Pengalaman ini membantu mereka memahami dan mengendalikan emosi mereka sendiri, serta membina empati terhadap orang lain. Komik juga menyediakan visual yang memperkukuh pemahaman konsep-konsep abstrak melalui gambar-gambar yang menarik dan mudah difahami. Ini membantu memperkukuhkan daya ingatan dan pemikiran abstrak kanak-kanak. Cerita dan watak-watak dalam komik sering kali menyampaikan pesanan moral dan etika yang baik kepada kanak-kanak. Melalui contoh-contoh dalam cerita, kanak-kanak dapat memperoleh panduan tentang tingkahlaku yang diharapkan dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, penggunaan pendekatan pembelajaran menggunakan elemen didik hiburan berupaya menjaga dan memulihara kesejahteraan emosi, mental, dan tingkahlaku kanak-kanak [10].

Komik Genius Al-Quran boleh dilihat sebagai contoh yang memanfaatkan kekuatan komik untuk menyampaikan aspek pendidikan, khususnya ilmu Al-Quran. Tambahan, penggabungan elemen teks dan imej memudahkan pemahaman dan menarik minat pembaca, terutama dalam kalangan generasi muda. Selain itu, menurut Mahadi *et al.*, [13] menggabungkan penggunaan elemen visual dan auditori dalam sesuatu pembelajaran mampu merangsang minat kepelbagaian murid terhadap pembelajaran tersebut. Oleh yang demikian, inovasi BBM komik yang mengandungi ilustrasi gambar yang berwarna dan menarik, audio contoh bacaan al-Quran yang boleh dibuka secara berulang kali, nota tajwid yang berwarna warni serta bentuk penyampaian yang mudah untuk difahami dapat membantu pembelajaran ilmu Al-Quran dalam kalangan murid sekaligus meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran mereka dengan hukum tajwid yang betul. Pembangunan inovasi bahan bantu mengajar menggunakan komik dalam pendidikan Al-Quran dapat memberikan kontribusi yang signifikan dalam membentuk generasi muda yang memiliki moral yang baik. Komik dapat menjadi alat yang efektif untuk menyampaikan nilai-nilai moral dan ajaran-ajaran agama secara menarik dan mudah untuk dicerna oleh anak-anak dan remaja. Pendidikan Al-Quran melalui komik adalah salah satu usaha dalam membentuk generasi muda yang dapat menjadi lebih bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri, keluarga, dan masyarakat, sebagaimana yang diajarkan oleh amalan yang dituntut oleh Allah S.W.T. [3]. Mereka dapat memahami pentingnya menjalani hidup sesuai dengan ajaran agama dan mempraktikkan nilai-nilai tersebut dalam interaksi sehari-hari mereka. Dengan demikian, pembangunan inovasi bahan bantu mengajar menggunakan komik dalam pendidikan Al-Quran dapat membantu membentuk generasi muda yang lebih baik secara moral dan bertanggungjawab.

2. Kajian Literatur

2.1 Pendidikan Al-Quran

Menurut Kajian Lubis *et al.*, [12], pendidikan Al-Quran telah mula diterapkan di Malaysia sekitar abad ke -14 secara tidak formal melalui kedatangan Islam ke Tanah Melayu, Melaka. Pendidikan Al-Quran ini merupakan satu ilmu pengetahuan yang penting untuk dipelajari dan dikuasai oleh seluruh umat Islam kerana Al-Quran mengandungi syariat Islam dan panduan hidup yang menyeluruh [16]. Selaras dengan kajian Nawi *et al.*, [14] yang menekankan kepentingan Al-Quran sebagai penentu utama kepada kesempurnaan sesuatu ibadah kerana membaca al-Quran merupakan salah satu rukun yang terdapat di dalam solat fardu seperti bacaan surah al-Fatihah. Penguasaan ilmu Al-Quran yang baik turut dapat menjadikan sesuatu ibadah yang dilaksanakan lebih khusyuk dan memuaskan. Namun begitu, masyarakat kini kurang menitikberatkan terhadap kepentingan penguasaan ilmu Al-Quran ini. Hal ini jelas telah dibuktikan dalam kajian Hamzah *et al.* [8] yang membahaskan tentang tahap penguasaan yang lemah dalam kalangan murid sekolah rendah terhadap ilmu Al-Quran. Bukan

itu sahaja, kajian Abdullah et al. [1] turut mendapati tahap pemahaman dan penghayatan ilmu Al-Quran dalam kalangan remaja muslim adalag amat tidak memberangsangkan. Justeru, komik inovasi Genius Al-Quran wajar dibangunkan bagi tujuan sebagai salah satu usaha untuk menangani isu ini.

2.2 Penggunaan Komik dalam Pendidikan Al-Quran

Kajian Aini *et al.*, [2] telah membuktikan bahawa penggunaan komik sebagai alat pembelajaran Al-Quran berupaya memberi kesan dalam meningkatkan pemahaman dan minat pelajar terhadap kandungan Al-Quran. Ini menunjukkan potensi besar komik sebagai media yang efektif dalam menyampaikan ajaran Al-Quran kepada golongan muda. Hal ini juga memberi dorongan kepada penyelidik dan pendidik untuk terus mengembangkan penggunaan komik dalam konteks pendidikan agama. Tambahan, menurut Dahlan [6], komik yang digunakan dalam pendidikan mestilah komik yang mengandungi kandungan atau pengetahuan ilmiah sahaja sesuai dengan pembangunan inovasi Komik Genius Al-Quran ini yang mengandungi ilmu-ilmu tajwid dan bacaan Al-Quran. Penerapan elemen visual melalui gambar yang menarik dan berwarna warni serta elemen audio melalui rakaman suara bacaan murid yang terdapat di dalam komik Genius Al-Quran bukan sahaja mampu merangsang deria penumpuan murid terhadap pembelajaran Al-Quran malah turut berupaya mempengaruhi minat dan motivasi murid terhadap pelajaran [7]. Kajian Norudin *et al.*, [15] turut menyokong tentang kebaikan kaedah pengulangan khususnya kosa kata yang susah dalam pengajaran sebagaimana penggunaan audio dalam komik yang boleh dibuka dan didengar secara berulang kali.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan Model Design and Development Research (DDR) atau dalam bahasa Melayu dikenali sebagai Reka Bentuk dan Pembangunan, yang diperkenalkan oleh Richey dan Klein pada tahun 2007. Metodologi ini digunakan untuk membangunkan inovasi bahan bantu mengajar (BBM) berupa Komik Genius Al-Quran, yang bertujuan untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Al-Quran di sekolah rendah (KAFA). Pendekatan DDR ini dianggap sistematik kerana melibatkan proses reka bentuk, pembangunan, dan penilaian yang berdasarkan kajian empirikal, seperti yang dijelaskan oleh Borhan dan Karim [5]. Metodologi ini merangkumi empat fasa komprehensif, iaitu:

Fasa Analisis: Pada fasa ini, penelitian dilakukan untuk menganalisis keperluan dan kebolehan yang berkaitan dengan penggunaan Komik Genius Al-Quran dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pendidikan Al-Quran di sekolah rendah. Analisis ini melibatkan keperluan murid, guru, dan sistem pendidikan.

Fasa Reka Bentuk: Setelah mendapatkan pemahaman yang mendalam dari fasa analisis, fasa reka bentuk melibatkan perancangan konsep dan struktur Komik Genius Al-Quran. Ini mungkin mencakup pemilihan konten, rekabentuk visual, dan elemen-elemen pendidikan yang sesuai.

Fasa Pembangunan: Pada fasa ini, Komik Genius Al-Quran sebenarnya dibangunkan berdasarkan perancangan yang telah dibuat sebelumnya. Proses ini melibatkan penyusunan kandungan, pengembangan grafik, dan integrasi elemen-elemen pendidikan.

Fasa Pelaksanaan dan Penilaian: Setelah pembangunan selesai, Komik Genius Al-Quran diperkenalkan dalam persekitaran pendidikan sekolah rendah (KAFA). Fasa ini melibatkan implementasi Komik Genius Al-Quran dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebenar, dan juga melibatkan penilaian untuk menilai keberkesanan bahan bantu mengajar tersebut.

Metodologi ini memberikan panduan yang sistematik dan berstruktur dalam proses pembangunan bahan bantu mengajar, dengan penekanan pada kajian empirikal untuk memastikan

relevansi dan keberkesanan Komik Genius Al-Quran dalam konteks pendidikan Al-Quran di sekolah rendah. Jadual 1 menunjukkan fasa pelaksanaan DDR.

Jadual 1

Fasa pelaksanaan DDR

Fasa		Peserta Kajian
1	Fasa Analisis	Analisis kajian-kajian lepas Temu bual 2 orang guru (berpengalaman 10 tahun ke atas) dan 6 orang murid tahun 5 (3 orang dari setiap kelas Uhud dan Badar) Bentuk temu bual separa struktur Pelaksanaan Ujian Pra
2	Fasa Reka Bentuk	Lakaran awal modul Membina objektif dan kaedah pengajaran yang bersesuaian
3	Fasa Pembangunan	Pembangunan modul inovasi Komik Genius Al-Quran Kesahan Inovasi
4	Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	Pelaksanaan Ujian Pasca (60 orang murid tahun 5) Analisis data yang diperolehi

3.1 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan beberapa instrument kajian seperti berikut :

3.1.1 Soalan temu bual separuh berstruktur

Dua bahagian soalan temu bual memberikan fokus yang baik iaitu Bahagian 1 untuk maklumat demografi responden dan Bahagian 2 membincangkan cabaran atau halangan yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Al-Quran. Soalan terbuka dalam Bahagian 2 membolehkan responden memberikan pandangan secara lebih mendalam mengenai pengalaman mereka dan mengenal pasti isu-isu kritikal.

3.1.2 Soalan kesahan berstruktur

Bahagian A yang berkaitan dengan demografi responden dapat memberikan konteks yang diperlukan untuk menerangkan hasil kajian. Bahagian B yang terbahagi kepada tiga elemen (penyampaian inovasi, isi kandungan inovasi, dan persembahan bahasa) menunjukkan tumpuan terhadap aspek-aspek utama keberkesanan inovasi. Ulasan responden juga memberikan maklumat penting mengenai persepsi mereka terhadap inovasi.

3.1.3 Soalan ujian pasca

Bahagian A mengenai maklumat responden memberikan latar belakang demografi yang setara dengan soalan kesahan pra ujian. Bahagian B yang terbahagi kepada tiga bahagian menunjukkan pendekatan yang holistik dalam menilai keberkesanan inovasi. Soalan berkaitan ujian lisan, subjektif (hukum tajwid), dan objektif (kefahaman isi kandungan ayat Al-Quran) memberikan penerangan menyeluruh mengenai pelbagai aspek prestasi murid pasca penggunaan inovasi.

Pendekatan ini memberikan kerangka yang lengkap dan holistik untuk mengumpul data dan menilai keberkesanan inovasi BBM Komik Genius Al-Quran. Instrumen yang digunakan nampaknya mencakup pelbagai dimensi yang relevan dengan tujuan kajian.

3.2 Pemilihan sampel kajian

Pemilihan sampel kajian ini adalah sangat terperinci dan memberikan kerangka yang jelas mengenai responden yang terlibat dalam kajian. Dengan melibatkan kesemua murid tahun 5 dari sekolah Rendah Islam At-Taqwa Beseri Perlis, iaitu 60 orang murid, kajian ini merangkumi dua kelas, iaitu kelas Uhud (murid cemerlang) dan kelas Badar (murid lemah), masing-masing dengan 30 orang murid.

Pemilihan sampel yang merangkumi kedua-dua kelas ini memberikan peluang untuk meraih perspektif yang komprehensif dari pelbagai tahap kecekapan murid. Dengan membezakan antara murid cemerlang dan murid lemah, kajian ini dapat menggambarkan kepelbagaian pengalaman dan cabaran yang mungkin dihadapi oleh dua kumpulan ini dalam konteks pengajaran dan pembelajaran ilmu Al-Quran.

Penekanan pada kelas-kelas yang berbeza memberikan lapisan yang lebih mendalam dalam meneroka cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru dan murid. Keseluruhan, pemilihan sampel yang sistematik ini dapat memberikan maklumat yang relevan dan bermakna untuk memahami dinamika pengajaran dan pembelajaran ilmu Al-Quran di sekolah Rendah Islam At-Taqwa Beseri Perlis.

4. Dapatan Kajian

4.1 Inovasi BBM Komik dalam Pendidikan Al-Quran

Penggunaan Komik Genius Al-Quran sebagai bahan bantu mengajar dalam pendidikan Al-Quran dapat meningkatkan minat dan motivasi murid. Hal ini kerana komik Genius Al-Quran mempunyai ilustrasi berwarna yang menarik sekaligus dapat mencipta daya tarikan yang signifikan terhadap pelajar. Tambahan, penggunaan elemen visual dan audio dalam komik memainkan peranan penting dalam merangsang deria penumpuan murid. Kombinasi gambar dan audio suara dapat membantu pemahaman dan retensi maklumat dengan lebih baik. Kajian Gunawan dan Sujarwo [7] menunjukkan bahawa komik dapat merangsang deria penumpuan murid sehingga mempengaruhi motivasi murid dalam pembelajaran. Ini adalah aspek penting dalam pembelajaran, terutamanya apabila mempelajari ilmu Al-Quran yang memerlukan tumpuan dan pemahaman yang mendalam. Tambahan, penggunaan ilustrasi berwarna dalam Komik Genius Al-Quran memberikan dimensi tambahan kepada pemahaman dan daya tarikan. Warna dapat membangkitkan emosi dan meningkatkan keterlibatan pelajar. Dengan demikian, inovasi Komik ini bukan hanya memberikan alternatif yang menarik untuk pengajaran Al-Quran, tetapi juga sesuai dengan pendekatan efektif dalam pembelajaran generasi muda yang lebih responsif terhadap media visual dan audio.



Rajah 1. Temu bual bersama murid

4.2 Proses pembangunan komik genius Al-Quran berdasarkan DDR

4.2.1 Fasa 1: Analisis keperluan pembinaan modul komik genius Al-Quran

Dapatan dari penelitian sorotan kajian lepas dan analisis ujian pra menunjukkan beberapa kelemahan dalam penguasaan hukum tajwid di kalangan murid. Beberapa faktor yang mungkin menyumbang kepada kelemahan ini termasuk jumlah hukum tajwid yang pelbagai serta jenis-jenis hukum tajwid yang mempunyai sebutan yang hampir sama. Menurut guru dan murid yang ditemu bual, kelemahan dalam penguasaan hukum tajwid juga dikaitkan dengan rasa bosan terhadap pembelajaran ilmu Al-Quran. Kesulitan ini kemungkinan disebabkan oleh kurangnya daya tarikan dalam proses pembelajaran yang dapat mengakibatkan kurangnya kefahaman terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru.

Dapatan ini sejajar dengan kajian Ishak et al., [11] yang menyatakan bahawa kaedah yang kurang bersesuaian adalah salah satu faktor utama yang menyebabkan murid mengalami kesulitan dalam memahami ilmu yang diajar. Oleh itu, kepentingan penggunaan kaedah dan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik menjadi lebih penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran ilmu Al-Quran, terutama dalam hal penguasaan hukum tajwid. Solusi seperti Komik Genius Al-Quran yang telah diperkenalkan sebelum ini mungkin dapat membantu mengatasi kebosanan dan meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran ilmu Al-Quran, khususnya dalam penguasaan hukum tajwid yang kompleks.

4.2.2 Reka bentuk modul komik genius Al-Quran

Fasa kedua kajian ini adalah melibatkan lakaran modul dengan memberikan gambaran yang sangat terperinci dan sistematik mengenai struktur dan kandungan modul yang direka bentuk. Berikut adalah beberapa aspek yang menonjol dalam lakaran modul tersebut. Bahagian pertama modul, bertajuk "Buta Al-Quran?", memberikan pengenalan dan konsep asas kepada komik Genius Al-Quran. Pengenalan ini melibatkan cerita pendek tentang seorang murid buta dan rakan-rakannya yang menyertai sesi pembelajaran ilmu Al-Quran. Konsep buta Al-Quran dijelaskan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada murid.

Pada bahagian kedua modul mengandungi tajuk "Jom Menghayati Al-Quran," yang mana ia menyajikan nota-nota tentang kefahaman isi kandungan Al-Quran. Penekanan diberikan kepada kefahaman dan penghayatan terhadap isi kandungan Al-Quran, sesuai dengan silibus KAFA. Penggunaan dwi tulisan (rumi dan jawi) dalam nota bertujuan untuk memudahkan murid yang lemah dalam jawi.

Seterusnya, bahagian ketiga modul memberikan nota tentang hukum tajwid berserta contoh-contoh ayat Al-Quran. Keunikan modul ini adalah penyediaan audio suara contoh bacaan ayat Al-Quran melalui imbasan QR Kod yang membolehkan murid untuk mendengar dan berlatih sebutan yang betul. Modul ini juga menyediakan latihan pengukuhan di setiap bahagian, termasuk soalan yang boleh dijawab secara terus dalam komik dan pelbagai soalan atas talian melalui imbasan QR kod. Pendekatan ini bertujuan untuk menarik minat murid dan memastikan pemahaman mereka melalui aktiviti kuiz secara teknologi. Modul ini turut dilengkapi dengan contoh-contoh jawapan bagi setiap soalan pengukuhan sebagai rujukan murid. Ini membantu memberikan panduan dan kejelasan terhadap hasil yang diharapkan.

Keseluruhannya, modul ini tidak hanya memberikan maklumat secara visual, tetapi juga menyertakan elemen audio untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran. Penggunaan teknologi, seperti imbasan QR kod, memberikan elemen interaktif dan moden dalam proses pembelajaran.

4.2.3 Pembangunan inovasi komik genius Al-Quran


Fasa ketiga kajian ini menandakan langkah penting dalam pengembangan dan pembinaan inovasi Komik Genius Al-Quran. Terdapat beberapa aspek kunci yang dapat dikenalpasti dalam fasa ini seperti aspek pembinaan Inovasi Komik Genius Al-Quran. Fasa ini melibatkan pembinaan dan pembangunan sebenar inovasi Komik Genius Al-Quran berdasarkan lakaran dan rancangan yang telah disusun pada fasa sebelumnya. Proses ini melibatkan penyesuaian dan penyelarasan dengan objektif utama keperluan penghasilan komik tersebut.

Ujian kesahan dari pakar pendidikan Al-Quran merupakan langkah yang kritis untuk memastikan kandungan modul komik ini sesuai dengan tahap murid sekolah rendah dan bersesuaian dengan silibus KAFA. Keterlibatan dua orang guru yang berpengalaman dalam bidang KAFA dan UPKK memberikan nilai tambah kepada kesahan ujian, dan hasil yang positif menunjukkan kesesuaian modul dengan tahap dan keperluan murid.

Selain itu, keberkesanan penyampaian komik Genius Al-Quran diuji dan disahkan. Aspek ini penting untuk memastikan bahawa modul dapat disampaikan dengan jelas dan berupaya menarik perhatian murid. Kesesuaian isi kandungan dengan silibus KAFA menjadi fokus utama. Hal ini memastikan modul dapat memberikan pembelajaran yang sejajar dengan standard pendidikan yang telah ditetapkan. Bukan itu sahaja, kepentingan persembahan bahasa dalam modul diuji untuk memastikan bahawa ia dapat difahami dengan baik oleh murid sekolah rendah.

Kesepakatan dua orang guru yang berpengalaman menunjukkan konsensus dalam penilaian kesesuaian modul dengan tahap murid dan silibus KAFA. Konsensus ini memberikan keyakinan tambahan terhadap kualiti dan keberkesanan inovasi Komik Genius Al-Quran.

Fasa ketiga ini menjadi titik tolak bagi pelaksanaan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah rendah, dan kesesuaian dengan silibus KAFA memberikan keyakinan akan relevansi dan keberkesanan modul dalam konteks pendidikan Islam.



Rajah 2. Pembangunan komik Genius Al-Quran

4.2.4 Pelaksanaan dan penilaian komik genius Al-Quran

Fasa yang terakhir melibatkan fasa pelaksanaan iaitu kaedah penggunaan inovasi Komik Genius Al-Quran dalam PdP pendidikan Al-Quran serta fasa penilaian melibatkan pelaksanaan ujian pasca setelah murid selesai mengikut kelas pembelajaran Al-Quran yang menggunakan Komik Genius Al-Quran. Langkah-langkah pelaksanaan penggunaan inovasi Komik Genius Al-Quran adalah seperti di Jadual 2 berikut,

Jadual 2

Langkah pelaksanaan penggunaan inovasi komik genius al-quran dalam pembelajaran KAFA

Langkah-langkah	Perkara
Hari Pertama	
Pertama (Induksi) 5 minit	Murid diberikan tempoh masa 5minit untuk membaca bahagian 1 modul inovasi Komik Genius Al-Quran
Kedua (Perbincangan) 1 jam 30 minit	Guru membuat sesi perbincangan dengan bertanyakan kepada murid pengajaran yang mereka perolehi daripada penceritaan di bahagian 1 komik. Murid juga menjawab soalan pengukuhan berkaitan bahagian 1 komik. Guru menerangkan nota tentang kefahaman isi kandungan ayat AL-Quran di bahagian 2 komik melalui tayangan slaid. Murid mendengar penerangan sambil merujuk komik Genius AL-Quran masing-masing. Murid juga diberikan tempoh selama 15 minit untuk membaca dan menghafaz nota yang diberikan.
Ketiga (Penutup – Latihan Pengukuhan) 5 – 10 minit	Murid menjawab dua latihan pengukuhan yang disediakan berkaitan kefahaman isi kandungan Al-Quran secara atas talian dengan menggunakan komputer riba guru. Murid lelaki dan perempuan diberi peluang untuk menjawab latihan secara berkumpulan mengikut giliran yang ditetapkan.
Hari Kedua	
Pertama (Induksi) 5 minit	Murid mendengar contoh bacaan bertajwid Al-Quran “Surah Al-Qariah” daripada guru, kemudian murid mengikuti bacaan tersebut.
Kedua (Perbincangan) 1 jam 15 minit	Guru menerangkan jenis-jenis hukum tajwid berdasarkan kandungan modul komik pada bahagian 3. Guru membuka contoh audio bacaan ayat Al-Quran bagi setiap contoh hukum tajwid dan meminta murid untuk mengikuti cara bacaan tersebut.
Ketiga (Penutup – Latihan Pengukuhan) 5-10 minit	Murid menjawab latihan pengukuhan berdasarkan hukum tajwid yang disediakan di dalam komik. Murid juga menjawab 1 soalan kuiz secara atas talian dengan menggunakan computer riba guru. Murid lelaki dan perempuan diberi peluang untuk menjawab latihan secara berkumpulan mengikut giliran yang ditetapkan.



Rajah 3. Penggunaan komik Genius Al-Quran dalam pengajaran dan pembelajaran

Setelah selesai pelaksanaan penggunaan inovasi Komik Genius Al-Quran dalam pembelajaran KAFA selama 2 hari berturut-turut, penulis melaksanakan ujian pasca bagi mengenal pasti maklum balas yang diterima dari kalangan murid tahun 5 yang terlibat untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan inovasi Komik Genius Al-Quran tersebut.



Rajah 4. Murid menjalankan ujian pasca

Hasil analisis data ujian pasca menunjukkan berlakunya peningkatan dalam penguasaan murid terhadap ilmu Al-Quran sebagaimana yang digamabarkan di dalam jadual 3 dan 4 di bawah.

Jadual 3

Analisis penguasaan hukum tajwid

	Ujian	Bil.	Skor Min	Perbezaan Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Tahap Signifikan
Bacaan Bertajwid	Pra	60	4.23	-2.033	1.615	-9.751	.000
	Pasca	60	6.27				

Jadual 4

Analisis bacaan bertajwid

	Ujian	Bil.	Skor Min	Perbezaan Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Tahap Signifikan
Hukum Tajwid	Pra	60	5.57	-5.200	4.761	-8.459	.000
	Pasca	60	10.77				

Hasil ujian T-Berpasangan, analisis penguasaan murid secara bacaan bertajwid menunjukkan nilai $t(59) = -9.751$ dan nilai p adalah $0.000 < 0.05$ manakala analisis bagi penguasaan murid terhadap hukum tajwid pula nilai $t(59) = -8.459$ dan nilai p adalah $(0.000 < 0.05)$. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua hasil analisis mempunyai perbezaan yang signifikan. Dalam erti kata lain, hasil ini membawa maksud berlakunya peningkatan penguasaan murid dalam bacaan Al-Quran selepas penggunaan inovasi BBM komik sekaligus membuktikan keberkesanan penggunaan komik sebagai BBM pengajaran dan pembelajaran ilmu Al-Quran. Secara kesimpulannya, "Inovasi Komik" adalah salah satu bahan bantu mengajar menggunakan visual dan auditori yang berupaya meningkatkan tahap kemahiran membaca Al-Quran murid.

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, walaupun Al-Quran merupakan ilmu fardu ain yang wajib dipelajari dan dikuasai oleh setiap umat Islam, masih terdapat golongan yang menghadapi kesulitan dalam penguasaan dan pemahaman Al-Quran di pelbagai peringkat pendidikan. Hal ini menunjukkan perlunya usaha lebih berkesan dalam penyampaian ilmu Al-Quran, serta penekanan terhadap kaedah pengajaran yang lebih efektif agar golongan umat Islam dapat menguasai ilmu Al-Quran dengan lebih baik

Pengakuan

Penyelidikan ini adalah inspirasi daripada kajian Matching Grant bertajuk Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menerusi E-Learning di Malaysia dan Indonesia (kod SO: 14953).

Rujukan

- [1] Abdullah, N., Hassan, R., & Rahman, A. "Tahap Pemahaman dan Penghayatan Al-Quran di Kalangan Remaja Muslim: Satu Kajian di Asia Tenggara." *Jurnal Pengajian Islam*, no. 1 (2021): 45-58.
- [2] Aini, N. F., Rahman, A. A., Halim, A. R. A., & Rahman, M. A. A. "The Effectiveness of Comic Media in Learning Quranic Content among Children." *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, no. 22 (2020): 110-123.
- [3] Arifin, Raihan Mohd, Nik Fadhilah Nik Him, Ahmad Shidki Mat Yusoff, and Borhanuddin Ahmad. "Rabbani Education: Facing Realities and Readiness for the Challenges of Future Education." *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education* 31, no. 1 (2023): 1-8.
- [4] Awi, Nur Adibah Liyana, and Hafizhah Zulkifli. "Amalan kreativiti guru pendidikan islam dalam pembelajaran abad ke-21." *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (Acer-J)*. eISSN2600-769X 4, no. 1 (2021): 40-54.
- [5] Borhman, Nursyafiqah, and Aidah Abdul Karim. "Pembinaan dan Pelaksanaan Kit Pengajaran untuk Meningkatkan Kemahiran Penambahan dan Penolakan Nombor Integer Murid Tingkatan 1." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8, no. 1 (2023): e002090-e002090. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2090>.
- [6] Dahlan, Hadi Akbar. "Kepentingan Penghasilan Komik Pendidikan dalam Acuan Tempatan (The Appropriateness of Local Cultural Elements in Educational Comics)." In *Forum Komunikasi*, vol. 15, no. 2, pp. 71-86. 2020.
- [7] Gunawan, Pramudya. "Pemanfaatan Komik Sebagai Media Pembelajaran Sejarah Dalam Meningkatkan Motivasi Dan Hasil Belajar Siswa." *Kronik: Journal of History Education and Historiography* 6, no. 1 (2022): 39-44.
- [8] Hamzah, N. H., Yusof, M. H. M., & Abdullah, M. A. Tahap Penguasaan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Agama di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam dan Kemanusiaan*, 12(2), (2020): 12-25.
- [9] Hussin, S. h., Abdullah, A. N., & Mokhtar, W. R. W. Konsep pendidikan Al-Quran. *Al-Basirah*, 10(2), (2020): 1-17.
- [10] Ibharim, Nur Shakila, Nor Aishah Othman, and Nurul Iman Abdul Jalil. "Penggunaan Pendekatan Terapi Bermain dalam Mengenalpasti Isu dan Permasalahan Kanak-Kanak: The Use of Play Therapy Approaches in Identifying Children's Issues and Problems." *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education* 26, no. 1 (2022): 9-24.
- [11] Ishak, Hamdi, Siti Fatimah Mohd Maiyurid, and Sabri Mohamad. "Pengajaran Tilawah Al-Quran Murid Sekolah Rendah Secara Maya Semasa Pandemik Covid-19." *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 7, no. 1 (2021): 50-57.
- [12] Lubis, A., Rahman, Z. A., & Bakar, A. Pendidikan Islam dan Pembinaan Akhlak di Malaysia: Satu Analisis Kandungan terhadap Kurikulum Pendidikan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1), (2021): 1-13.
- [13] Mahadi, Faridah, Mohd Razimi Husin, and Nurulhuda Md Hassan. "Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori dan Kinestetik." *Journal of Humanities and Social Sciences* 4, no. 1 (2022): 29-36. <https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-04.01.340>
- [14] Nawli, Muhammad Zulazizi Mohd, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar, and Norhisham Muhamad. "Pembacaan Al-Quran dalam pendidikan masa kini: satu tinjauan umum." *Jurnal al-Turath* 6, no. 1 (2021).
- [15] Norudin, Nadzirah, Kaseh Abu Bakar, Hakim Zainal, and Mohamad Azwan Kamarudin. "Kesukaran Item Kosa Kata Kerja Al-Quran Dalam Ujian Kosa Kata Al-Quran (QVT) Berdasarkan Model Pengukuran Rasch." *ALBASIRAH JOURNAL* 11, no. 1 (2021): 47-54.
- [16] Md Ramzan, Muhammad Fahmi, and Nurfarhana Mohd Daud. "Konsep keluhuran Al-Quran sebagai perlembagaan hidup dan manifestasinya terhadap rahmat sekalian alam." *Borneo Akademika* 3, no. 2 (2019): 23-30.
- [17] Said, A. R. M., Omar, M. C., Omar, N., & Ghazali, M. A. (2023). Pengajaran Al-Quran di sekolah rendah kementerian pendidikan Malaysia: Cabaran dan harapan. *International Journal of Al-Quran and Knowledge*, 3(1), 1-10.
- [18] Zokhi, Aini Nurasyidah Md. "Aplikasi Inovasi Q-Track Kit Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Modul Teoritik: Innovative Application of Q-Track Kit in the Teaching and Learning Process for Theoretical Modules." *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education* 27, no. 1 (2022): 20-29.